

- 1 Apakah tujuan kewujudan sesebuah perniagaan?
 - A Mewujudkan peluang pekerjaan
 - B Membantu masyarakat setempat
 - C Menambahkan pendapatan negara
 - D Menawarkan barang dan perkhidmatan
- 2 Gambar 1 berkaitan dengan sejenis bentuk pemilikan perniagaan.



Gambar 1

- Mengapa Encik Ahmad memilih penubuhan perniagaan di atas?
- A Liabiliti terhad
 - B Modal lebih besar
 - C Beban cukai rendah
 - D Bilangan pemilik ialah antara 2-20 orang
- 3 Antara yang berikut, kriteria manakah yang menentukan saiz perniagaan?
 - I Bilangan pekerja tetap
 - II Jumlah jualan tahunan
 - III Jumlah bahan mentah
 - IV Jumlah aset dan pembangunan
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 4 Gambar 2 menunjukkan logo sebuah agensi kerajaan.



Gambar 2

Apakah skala agensi kerajaan tersebut?

- I Skala zon
 - II Skala global
 - III Skala tempatan
 - IV Skala kebangsaan
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 5 Pernyataan manakah yang benar tentang peranan Pihak Berkuasa Tempatan?

- I Menggubal undang-undang perniagaan
 - II Menyediakan latihan dan pembangunan
 - III Menggubal Undang-Undang Kecil Pasar
 - IV Melaksanakan dasar-dasar pembangunan setempat
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 6 Manakah yang benar mengenai trend persekitaran?

	Trend	Pernyataan
A	Trend menurun	Operasi perniagaan tidak berubah
B	Trend meningkat	Operasi perniagaan semakin merosot
C	Trend menurun	Operasi perniagaan dalam keadaan malar
D	Trend mendatar	Operasi perniagaan tiada perubahan ketara

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan faktor yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan.

Syarikat ULTRA Sdn. Bhd. merupakan sebuah perniagaan yang berjaya. Antara faktor penyumbang yang dikenal pasti ialah pengurusnya bijak menjaga hubungan dengan pekerja. Tindakan tersebut telah memberi motivasi kepada pekerja agar berusaha untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

Apakah gaya pengurusan yang diamalkan oleh pihak pengurusan syarikat tersebut?

- A Gaya pengurusan sokongan
 - B Gaya pengurusan sederhana
 - C Gaya pengurusan autokratik
 - D Gaya pengurusan *laissez-faire*
- 8 Antara berikut, yang manakah merupakan kesan perubahan persekitaran terhadap organisasi perniagaan dari aspek undang-undang?
- I Lambakan barang import
 - II Pembangunan dalam teknologi
 - III Kewujudan sistem perniagaan secara adil
 - IV Melindungi hak semua pihak dalam perniagaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 9 Pernyataan manakah yang berkaitan dengan visi dan misi?
- A Visi menyokong pernyataan misi
 - B Visi lebih umum berbanding misi
 - C Visi dibuat oleh pengurusan atasan, misi dibuat oleh pengurusan pertengahan
 - D Visi dibuat oleh pengurusan pertengahan, misi dibuat oleh pengurusan atasan

10

Objektif Syarikat Batik Sri Suci adalah dengan meningkatkan pengeluaran batik sebanyak 6 000 helai dalam masa dua minggu bagi memenuhi permintaan pengguna. Pernyataan objektif di atas mempunyai ciri SMART, iaitu :

Pilih pernyataan yang benar tentang objektif Syarikat Batik Sri Suci.

- A Munasabah
- B Jangka masa
- C Boleh diukur
- D Boleh dicapai

- 11 Pemimpin yang mempunyai wawasan mampu menyampaikan visi organisasi perniagaan supaya dapat dihayati oleh semua golongan pekerja.

Mengapakah pekerja perlu menghayati visi organisasi perniagaan?

- A Menentukan hala tuju perniagaan
- B Mengenalpasti tujuan penubuhan perniagaan
- C Membantu perniagaan membuat perancangan
- D Mengagihkan sumber organisasi dengan cekap

- 12 Mengapakah struktur organisasi dibahagikan mengikut bahagian fungsian?

- A Memaksimumkan keuntungan
- B Mengurangkan bilangan pekerja
- C Meminimumkan kos pengeluaran
- D Menjelaskan spesifikasi tugas pekerja

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan aplikasi teknologi maklumat terhadap bahagian fungsian X dalam sebuah organisasi.

- Laman web
- Blog
- Laman Sosial seperti *Facebook* dan *Twitter*

Apakah bahagian fungsian X ?

- A Jualan
- B Pembelian
- C Pemasaran
- D Pengeluaran

- 14 Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang kepentingan mewujudkan pasaran baharu?

- I Dapat menguasai pasaran baharu
 - II Dapat menjimatkan kos operasi perniagaan
 - III Dapat menggalakkan pasaran menjadi malar
 - IV Dapat mengagihkan barang kepada pengguna
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan dua buah organisasi perniagaan.

Kedai Runcit Sri Arau

Kilang Roti Suri

Bahagian fungsian manakah hanya terdapat di Kilang Roti Suri?

- A Pembelian
- B Pemasaran
- C Pentadbiran
- D Pengeluaran

- 16 Apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan sumber manusia.

- A Usaha merancang tenaga kerja berprestasi tinggi untuk mencapai matlamat perniagaan maju.
- B Usaha merancang pembangunan perniagaan supaya menjadi perniagaan mampan dan berdaya saing.
- C Usaha pembangunan kemudahan dan kilang untuk menarik dan mengekalkan tenaga kerja berprestasi tinggi.
- D Usaha pembangunan tenaga kerja dalam organisasi untuk menarik, membangun dan mengekalkan tenaga kerja berprestasi tinggi.

- 17 Salah satu peranan sumber manusia ialah memantapkan budaya profesional.

Bagaimanakah pemantapan budaya profesional dapat membantu organisasi?

- I Dapat meningkatkan imej organisasi
 - II Dapat meningkatkan jualan perniagaan
 - III Dapat menggalakkan kreativiti dan inovasi
 - IV Pekerja dapat menjalankan tugas dengan cekap
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


- 18 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Puan Azmatun seorang akauntan bertauliah.

- *Pernah bekerja sebagai pegawai kewangan di sebuah syarikat cari gali minyak antarabangsa selama 10 tahun*
- *Sekarang ingin menjadi jururunding pelaburan dalam syarikat minyak dan gas*

Apakah keperluan kemahiran kebolehkerjaan yang ada pada Puan Azmatun?

- I Kelayakan yang sesuai
 - II Berpengalaman dalam industri
 - III Berpengetahuan tentang produk
 - IV Keberkesanan mencapai sasaran kumpulan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 19 Mengapakah pemberian insentif yang munasabah penting kepada pekerja bagi sesebuah organisasi?
- Meningkatkan imej syarikat
 - Menjamin kesetiaan pekerja
 - Meningkatkan motivasi pekerja
 - Meningkatkan kreativiti pekerja
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- 20 Bagaimakah sumber teknologi dilindungi?
- Memohon lesen daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia
 - Mendaftar paten dan hak cipta terpelihara dengan pihak MyIPO
 - Memohon kelulusan daripada Kementerian Perdagangan dan Industri Asas Tani
 - Memohon kebenaran daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia
- 21 Rajah 1 merupakan prosedur mengurus sumber teknologi.

*Rajah 1*

- Antara berikut, yang manakah merupakan prosedur yang betul bagi S?
- Insurans
 - Keselamatan
 - Penyelenggaraan
 - Hak cipta terpelihara
- 22 Antara berikut, manakah yang merupakan modal perniagaan sebuah agensi pengiklanan?
- Wang tunai
 - Perekraf grafik
 - Kenderaan pemilik
 - Peralatan teknologi maklumat
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

23 Manakah sumber pembiayaan luaran bagi sebuah pasaraya yang ditubuhkan sebagai perniagaan perkongsian?

- I Syer
 - II Pemfaktoran
 - III Overdraf bank
 - IV Modal daripada keuntungan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

24 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan sejenis sumber pembiayaan luaran.

Puan Manisah ingin memulakan perniagaan butik. Memandangkan beliau memerlukan modal permulaan sebanyak RM50 000 dengan kadar segera, Puan Manisah menjadikan barang kemas miliknya sebagai cagaran untuk mendapatkan pinjaman melalui Skim Pajak Gadai-i, Bank Rakyat.

Apakah sumber pembiayaan berkenaan?

- A Pajakan
- B Ar-Rahnu
- C Sewa beli
- D Pemfaktoran

25 Apakah kelemahan sumber pembiayaan dalaman kepada usahawan?

- A Tertakluk kepada terma dan syarat
- B Memerlukan penjamin dan cagaran
- C Menghadapi kos seperti faedah atas pinjaman
- D Sukar menambah modal dalam masa yang singkat

26 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah dokumen perniagaan.

Dikeluarkan apabila pemilik membawa masuk kenderaan ke dalam perniagaan

Nyatakan dokumen tersebut

- A Memo
- B Invois
- C Bil Tunai
- D Penyata Bank

- 27 Antara berikut, butiran yang manakah dicatatkan dalam Penyata Pendapatan?
- I Stok awal
 - II Untung kasar
 - III Overdraf bank
 - IV Pinjaman bank
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 28 Maklumat berikut berkaitan dengan margin untung kasar bagi tahun 2020 dan tahun 2021.
- | Jenis Nisbah | 2020 | 2021 |
|-----------------------------|------|------|
| Peratus margin untung kasar | 35% | 21% |
- Antara berikut, yang manakah sebab perubahan tersebut?
- I Kos jualan tidak terkawal
 - II Harga jualan kurang cekap
 - III Kos belian pada tahun 2021 menurun
 - IV Pengutang syarikat semakin menurun
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 29 Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Muhammad Nur, seorang pengusaha kebun durian.
- Encik Muhammad Nur merupakan seorang pengusaha kebun durian telah mereka cipta satu peralatan untuk membuka buah durian dengan cepat dan mudah.
- Apakah ciri keperibadian usahawan yang ada pada Encik Muhammad Nur?
- A Kreatif
 - B Inovatif
 - C Berpandangan jauh
 - D Berani mengambil risiko
- 30 Apakah kepentingan latihan dalam bidang pengurusan perniagaan kepada usahawan
- A Untuk menggalakkan usahawan bersaing
 - B Untuk mewujudkan kerjasama antara usahawan
 - C Untuk menerapkan etika perniagaan yang progresif
 - D Untuk meningkatkan peluang menceburi perniagaan

- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan kebergantungan perniagaan

Encik Danny telah menjadi usahawan yang berjaya. Beliau seringkali meletakkan sejumlah wang bagi tujuan membantu orang awam seperti membina pondok bas.

Apakah jenis kebergantungan perniagaan yang telah dipenuhinya.


- A Mencapai objektif
- B Meluaskan pasaran
- C Memantapkan imej perniagaan
- D Melaksanakan tanggungjawab sosial

- 32 Encik Muthusamy bercadang untuk memulakan perniagaan yang diberi nama Mini Market Muthu.

Mini Market Muthu adalah di bawah seliaan

- A Akta Syarikat 2016
- B Akta Perkongsian 1963
- C Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- D Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

- 33 Rajah 2 berkaitan dengan proses pendaftaran perniagaan.



Rajah 2

Bentuk pemilikan perniagaan manakah yang melalui proses pendaftaran penubuhan tersebut?

- A Francais
- B Koperasi
- C Milikan tunggal
- D Syarikat sendirian berhad

- 34 Antara yang berikut, yang manakah merupakan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh seorang usahawan setelah mendaftarkan perniagaan?
- I Mempamerkan harga
 - II Mempamerkan sijil perniagaan
 - III Mempamerkan papan tanda perniagaan
 - IV Mempamerkan dokumen rasmi perniagaan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 35 Pernyataan manakah yang benar tentang fungsi resit?
- A Menyatakan jumlah bayaran
 - B Sebagai bukti bayaran diterima
 - C Menyatakan jumlah penerimaan
 - D Bertindak sebagai invois tambahan
- 36 Berikut merupakan sejenis dokumen perniagaan.

ASAL		IDAMAN BERHAD	
		Lot 114, Seksyen 14/2 46100 Petaling Jaya Tel.: 03-7595733	
Kepada Aqilah Collections 2355 Jalan Besar 23100 Paka, Terengganu.		INVOIS	
Kuantiti	PERKARA	Harga Seunit RM	Jumlah RM
10 set	Set makan Rose	350.00	3 500.00
10 set	Set makan Floral	300.00	3 000.00
10 set	Set makan Alamanda	280.00	2 800.00
	Tolak: Diskaun niaga 10%		930.00
	Jumlah		8 370.00
(Ringgit: Lapan ribu dua ratus tujuh puluh sahaja) Syarat: 10% 5 hari, 5 % 10 hari			
Angkutan dibayar K. & K. Di K.	<i>Aqilah</i> Penerima	<i>Harith</i> Pengurus	

- Butiran manakah benar tentang dokumen tersebut?
- A Melibatkan urus niaga beli produk atau perkhidmatan secara tunai
 - B Melibatkan urus niaga jual produk atau perkhidmatan secara hutang
 - C Melibatkan urus niaga selain kos jual beli produk atau perkhidmatan secara tunai
 - D Melibatkan urus niaga selain kos jual beli produk atau perkhidmatan secara hutang

- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada penyata aliran tunai Encik Aqiel Imtiaz yang bercadang memulakan perniagaan menjual komputer pada bulan Januari 2022.

	RM
Modal :	
Tunai di tangan	70 000
Penerimaan	200 000
Pembayaran	105 000

Berapakah baki akhir bulan Januari 2022?

- A RM25 000
 - B RM95 000
 - C RM165 000
 - D RM235 000
- 38 Pernyataan manakah yang berkaitan dengan maksud pemasaran?
- A Aktiviti penukaran hak milik sesuatu barang
 - B Aktiviti yang sesuai untuk memasarkan produk
 - C Aktiviti memperbaiki produk supaya menjadi lebih berkualiti
 - D Aktiviti mencipta nilai barang, penentuan harga, promosi dan pengedaran produk
- 39 Apakah yang dimaksudkan dengan rancangan perniagaan?
- A Mengandungi latar belakang perniagaan
 - B Menerangkan maklumat perniagaan secara ringkas
 - C Menerangkan maklumat perniagaan yang akan dijalankan
 - D Menyatakan langkah yang perlu diambil sebelum memulakan perniagaan
- 40 Mengapa rancangan perniagaan disediakan?
- I Memberi peluang usahawan menilai projek
 - II Memudahkan usahawan menjalankan perniagaan
 - III Memastikan perniagaan mempunyai dokumen yang lengkap
 - IV Memberi keyakinan kepada pihak pelabur dan juga pihak bank
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT.